

# Pupuk sikap cakna dalam masyarakat

Sukarelawan digesa terus berperanan menyatukan rakyat

**BANTING** - Individu yang terlibat dalam kerja sukarelawan digesa terus berperanan menyatukan rakyat pelbagai kaum.

Penasihat Mahkamah Bagi Kanak-Kanak Daerah Kuala Langat, Datuk Nordin Selamat berkata, beliau mengakui aktiviti sukarelawan mula menjadi pilihan masyarakat bertujuan untuk turut serta membantu golongan memerlukan.

Menurutnya, aktiviti itu kini disertai pelbagai peringkat umur yang selain untuk aktif, pada masa sama menanam sikap cakna terhadap masyarakat.

"Apa yang penting, peranan dan tanggungjawab sukarelawan berterusan dalam mewujudkan masyarakat yang bersatu padu.

"Kami nak tengok sukarelawan yang mampu menjenamakan persatuan, malah menjadi kumpulan pertama bantu rakyat," katanya selepas merasmikan Program Iftar Ramadan Bersama Penasihat Mahkamah Bagi Kanak-Kanak Daerah Kuala Langat, Jawatankuasa Kebajikan Kanak-Kanak



Nordin menyampaikan sagu hati kepada sukarelawan.

Daerah Kuala Langat (JKKD) dan Sukarelawan Kebajikan Daerah Kuala Langat di Kafe Saha.

Nordin berkata, beliau juga mahu semua sukarelawan terus menunaikan tanggungjawab bukan sahaja pada Ramadan tetapi tidak kira masa.

Jelasnya, beliau mengambil tahu perjalanan sukarelawan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Kuala Langat sekali gus mahu penyertaan pelbagai pihak dalam aktiviti sukarelawan.

Sementara itu, Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat, Mohd Al Hafizi Abu Bakar berkata, seramai 20 sukarelawan menerima sagu hati bernilai RM600 seorang.

Menurutnya, beliau memuji kesungguhan sukarelawan di bawah JKJ yang bekerja siang malam tanpa mengeluh membantu golongan memerlukan.

"Saya harap aktiviti di rumah *client* yang ditetapkan jadi perangsang sukarelawan menggalakkan aktiviti mereka dalam masyarakat," katanya.

## Semangat kerjasama KRT dipuji



Barisan KRT Topaz 3 Bandar Saujana Putra aktif menjalankan pelbagai aktiviti.

**BANTING** - Jabatan Perpaduan Daerah Kuala Langat memuji semangat kerjasama semua Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di daerah ini yang melaksanakan pelbagai aktiviti, termasuk aktiviti gotong-royong memasak bubur lambuk, majlis iftar dan khatam al-Quran serta program berbentuk perpaduan.

Pegawainya, Ibrahim Abdullah berkata, program gotong-royong sempena Ramadan begini bukan sahaja dapat menjalin keakraban antara penduduk perumahan, malah boleh mendidik komuniti Islam untuk menghayati inti pati ibadah puasa itu sendiri.

"Kepelbagaian program kemasyarakatan perlu diteruskan dan seharusnya



Ahli KRT Topaz 3 Bandar Saujana Putra bergotong-royong menyediakan bubur lambuk dan dodol.

komuniti di tempat lain dapat mencontohi KRT yang aktif menjalankan aktiviti.

"Kerjasama menjayakan aktiviti dapat mewujudkan perpaduan dalam masyarakat seterusnya mewujudkan

hubungan baik antara satu sama lain," katanya pada program gotong-royong memasak bubur lambuk dan dodol di KRT Topaz 3 Bandar Saujana Putra, di pondok kawalan KRT itu.